

Maklumat Komoditi : Sawi

Maklumat Umum

Sawi (*Brassica* spp.) adalah sejenis tanaman jangka pendek yang dikelaskan sebagai sayuran berdaun. Merupakan sayuran yang kaya dengan zat makanan. Kandungan zat makanan yang terdapat pada setiap 100g sawi yang boleh dimakan adalah seperti berikut:

Zat Pemakanan	Kandungan
Protein	2.1 g
Karbohidrat	4.7 g
Lemak	0.7 g
Kalsium	147.0 mg
Besi	6.8 mg
Fosforus	70 mg
Karotena beta	4,280.0 µg
Vitamin B1	0.1 mg
Vitamin B2	0.3 mg
Vitamin C	89.0 mg
Niasin	0.6 mg

Kesesuaian Tanaman

Kesesuaian Tanah

Tanaman Sawi sesuai ditanam di kebanyakan jenis tanah di Malaysia. Pengurusan yang lebih rapi diperlukan sekiranya tanaman ini ditanam di tanah yang sederhana sesuai bagi mencapai potensi hasil yang menguntungkan. Sifat dan kesesuaian tanah bagi tanaman Sawi adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Sifat dan Kesesuaian Tanah bagi Tanaman Sawi.

Sifat Tanah	Kesesuaian Tanah	
	Sesuai	Sederhana Sesuai
Kecerunan	0-6°	6-12°
Saliran	- Tak sempurna salir ke agak tak sempurna salir. Paras naik turun air berada pada kedalaman 50-75 cm dari permukaan.	- Kurang salir ke agak salir. Paras naik turun air berada pada kedalaman 25-50 cm dari permukaan. - Sederhana salir ke salir. Paras naik turun air berada pada bawah 75 cm dari permukaan.
Kedalaman tanah yang sesuai (ke lapisan padat/batu, asid sulfat)	≥ 50 cm	25-50 cm
Tekstur dan struktur	Kandungan liat : >18-35% atau kandungan liat : >35% dan tanah gembur.	Kandungan liat : 10-18% atau Kandungan liat : >35% dan agak padat.
Kemasinan	<0.5 dS/cm (Sangat rendah)	0.5-1.0 dS/cm (Rendah)

Sumber: Jabatan Pertanian, 2018

Penyediaan Tanah

PENYEDIAAN TANAH

1. Pengenalan Umum:

Bagi Tanaman Ulangan :

Rumpai dan bekas sayur daripada tanaman awal diracun dengan glufosinate ammonium pada kadar 0.5 kg/ha. Ground Magnesium Limestone (GML) ditabur pada kadar 3-5 tan/ha jika perlu, berpandu kepada PH tanah. Batas atau kawasan diputar dengan menggunakan alat rotovator dan batas diperbaiki atau disediakan mengikut saiz, 12 m lebar dan 20-30 cm tinggi. Panjang batas mengikut luas kawasan tanaman. Bahan organik iaitu tahi ayam ditabur di atas batas pada kadar 3-5 tan/ha.

Kos penyediaan tanah berubah mengikut kawasan dan keadaan kawasan penanaman.

Pengairan Dan Saliran

PENGAIRAN DAN SALIRAN

Pengenalan Umum:

Pengurusan Air : Di kawasan komersil, biasanya sistem pengairan renjis atau renjis mikro disediakan. Siraman dibuat sekali sehari, dan pada musim kering 2 kali sehari. Jumlah air yang digunakan melalui sistem renjis ini adalah bergantung kepada jenis tanah, umur pokok dan keadaan cuaca. Pengurusan air yang cekap dan efisien akan dapat mengurangkan kehilangan baja, mengawal insiden penyakit kulat dan mengurangkan kos operasi pam dan sistem. Pengurusan air merangkumi pengairan dan saliran untuk keperluan tanaman.

Sistem pengairan renjis mempunyai kecekapan pengairan 65-75% dan keperluan tenaga kerja yang rendah. Kos bahan sistem di antara RM 5,000 - RM 8,000 sehektar. Jenis perenjis yang sesuai digunakan mempunyai julat tekanan operasi yang rendah, 1.5 - 2.5 kg/cm² dengan kadar alir perenjis 0.3 - 1.0 lit/saat dan garis pusat siraman liputan 20 - 30 m. Keperluan jumlah air harian bergantung kepada kadar penyejat puluhan iaitu 10-15 mm/hari.

Sawi memerlukan air yang banyak untuk pertumbuhan. Siraman dibuat 2 kali sehari ketika cuaca panas dan dilakukan secara manual atau sistem pengairan renjis .

Jenis Sistem Pengairan (Sprinkler/Titis/Lain-lain):

Sistem Pengairan: Pengairan Renjis (*sprinkler*) / manual

Anggaran kos pemasangan sistem pengairan

1. Kos Pengairan (RM/Ha) : RM 5000 – RM 8000 (1998)

Sistem Penanaman

Biji benih sawi boleh ditanam terus ke atas batas. Sebanyak 0.6 kg biji benih digunakan untuk sehektar. Sebelum menanam, biji benih dirawat dengan racun kulat thiram dan digaulkan dengan pasir halus atau tanah peroi dan ditabur sama rata ke dalam jalur-jalur pada batas. Selepas 8 - 10 hari, penjarangan dibuat mengikut ukuran yang disyorkan, 15 cm x 15 cm antara pokok.

Sistem Pembajaan

Bagi tanah mineral, baja organan digaul ke dalam batas untuk menentukan kesuburan pokok. Pembajaan yang disyorkan adalah seperti berikut:

Pusingan	Masa	Jenis Baja	Kadar/ Batas	Kadar/ Ha (650 batas)
1	Sebelum menanam	Baja Organan	6 kg	4 tan
2	2 minggu	NPK 15:15:15	0.4 kg	0.26 tan
3	3 minggu	NPK 15:15:15	5 kg	0.33 tan

Penuaian

Dengan pengurusan tanaman yang baik, daun sawi boleh dikutip 28-30 hari selepas menyemai. Sayur ini dipungut dengan memotong pokok pada paras tanah. Hasilnya boleh juga dipungut apabila pokok mengeluarkan bunga. Pengeluaran hasil bagi tanaman sawi adalah di antara 10-12 tan sehektar dengan hasil purata sebanyak 14 tan sehektar.

Selepas penuaian hasil, sawi boleh disimpan selama 10-15 hari dengan kadar kelembapan 90-95 peratus pada suhu 15 °C.

Varieti

Bil.	Varieti
1	Sawi Hijau
2	Sawi Putih
3	Sawi Pak Choy